

Soalan Lazim (FAQ)

Langkah-langkah Interim BNM Bagi Penetapan Semula Premium Insurans Perubatan

1. Apakah langkah-langkah interim BNM bagi penetapan semula premium insurans perubatan?

Bank Negara Malaysia (BNM) bersama industri insurans serta takaful telah mengumumkan empat (4) langkah interim untuk membantu pemegang polisi / peserta takaful mendapat akses berterusan kepada perlindungan insurans / takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance and takaful*, MHIT) mereka:

i. **Pengagihan (*Spreading*) perubahan kadar premium / caruman yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan***

Sebarang perubahan premium / caruman yang berkuat kuasa pada 2024 hingga 2026 akan diagihkan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun. Dengan ini, sekurang-kurangnya 80% pemegang polisi akan melihat kurang daripada 10% dalam semakan premium / caruman dan selebihnya akan melihat kurang daripada 20% dalam semakan premium / caruman.

ii. **Penangguhan sementara bagi pelarasan premium / caruman yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan***

Jika anda berumur 60 tahun dan ke atas dan dilindungi di bawah pelan minimum, iaitu pelan bilik dan penginapan hospital terendah bagi produk perubatan anda, pelarasan premium / caruman akan kekal tidak berubah selama satu (1) tahun polisi / sijil.

**Ini tidak terpakai kepada kenaikan premium / caruman yang mungkin dikenakan apabila pemegang polisi / peserta takaful berubah ke tangga umur yang lebih tinggi.*

iii. **Pengembalian / Pengaktifan semula polisi / sijil**

Jika anda telah menyerahkan / meluputkan pelan perubatan anda pada tahun 2024 disebabkan oleh penetapan semula premium insurans / caruman takaful, anda boleh meminta untuk mengembalikan / mengaktifkan semula polisi / sijil serta mengagihkan perubahan kadar premium / caruman tanpa penilaian tambahan terhadap keadaan kesihatan namun adalah tertakluk pada tempoh menunggu. Sekiranya pengembalian / pengaktifan semula adalah dari 1 Januari 2025 hingga 30 Jun 2025, tempoh menunggu juga akan dikecualikan.



HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

iv. **Produk-produk MHIT alternatif**

Jika anda tidak mahu meneruskan dengan produk perubatan dengan premium / caruman yang telah ditetapkan semula, anda boleh mempertimbangkan untuk beralih kepada produk perubatan lain yang ditawarkan oleh kami dengan amaun premium / caruman yang sama atau lebih rendah.

Soalan-soalan lazim yang berikutnya akan membantu anda mengenal pasti senario-senario yang berbeza dan membantu anda memahami langkah-langkah interim yang manakah yang mungkin terpakai kepada anda sebagai pelanggan AIA.

2. **Sejauh manakah kemampuan langkah-langkah interim ini dan bagaimana ia akan menjejaskan premium / caruman saya dalam jangka masa panjang?**

Langkah-langkah interim ini hanya menyediakan sokongan dan bantuan sementara. Bagi memastikan premium insurans / caruman takaful perubatan tidak meningkat dengan mendadak, reformasi penjagaan kesihatan yang lebih luas dan tindakan bersama dari semua pihak berkepentingan (BNM, pengendali insurans / takaful, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan hospital-hospital swasta) amat diperlukan. AIA komited untuk memainkan peranan proaktif dan akan melaksanakan inisiatif pengekangan kos bagi memastikan pelanggan kami mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan yang boleh diakses, mampu milik, dan berkesan.

3. **Adakah saya layak untuk langkah-langkah interim BNM?**

Langkah-langkah interim akan terpakai kepada pelanggan yang telah dikenakan atau akan dikenakan penetapan semula premium insurans / caruman takaful seperti yang disenaraikan di bawah:

- Pelanggan A-Plus Health dengan ulang tahun polisi dari 1 April 2024 dan seterusnya; dan
- Pelan perubatan yang disenaraikan di bawah dengan ulang tahun polisi / sijil dari 1 Ogos 2024 dan seterusnya.



HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

Conventional Standalone Medical Plans	Conventional Investment-Linked	Family Takaful	Takaful Investment-Linked
• Medicovert Plus Rider • ExcelCare • ExcelCare Plus • AAA Care • Health Protector • Major Care • Major Medical • Individual Medical Plan • Health Plan (Cashless / Non cashless) • Medi Plus (Cashless / Non Cashless) • Medical Plan (Cashless / Non Cashless) • A-Life Med Regular	• Medicovert Plus Rider • ExcelCare • ExcelCare Plus • Major Care • UL Health Rider • UL MediPlus • Prime MediPlus • A Plus Med	• A-Medik (Standalone) • A-Life Med Regular-i • A-Life Medik Famili	• A-Medik (Unit-Deducting Rider) • A-Plus Med-i

4. Bagaimanakah langkah-langkah interim ini memberi kesan kepada saya sebagai pelanggan AIA?

Sila ambil maklum bahawa langkah-langkah interim BNM ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

A. Untuk polisi / sijil dengan penetapan semula premium / caruman berkuat kuasa 1 Januari 2025 – Langkah-langkah interim BNM akan terpakai secara automatik:

Amaun yang diambil kira di dalam langkah-langkah interim telah dikemas kini. Sekiranya ulang tahun polisi / sijil anda adalah di antara Januari 2025 hingga Mac 2025 dan anda telah dikenakan amaun yang lebih tinggi sebelum ini, perbezaan dalam jumlah amaun akan dikembalikan kepada anda. Untuk maklumat lanjut mengenai proses bayaran balik, sila rujuk Soalan 5.

Anda juga akan menerima surat penetapan semula premium / caruman perubatan yang mengandungi amaun yang disemak mengikut langkah-langkah interim selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh ulang tahun polisi / sijil anda. Tetapi, sekiranya ulang tahun polisi / sijil anda adalah di antara Januari 2025 hingga Mac 2025, anda akan hanya menerima surat tersebut sebelum Mei 2025.

Nota:


- Amaun di sini merujuk kepada premium / caruman (untuk pelan perubatan tunggal) dan Kos Insurans (COI) / Tabarru' (untuk pelan berkaitan pelaburan)
- Tiada bayaran balik untuk premium / caruman bagi pelan berkaitan pelaburan kerana ia dilaburkan ke dalam nilai akaun bagi memastikan kelangsungan yang lebih baik.




HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

- B. Untuk polisi / sijil yang telah dikenakan penetapan semula premium / caruman sebelum 1 Januari 2025 – Langkah-langkah interim BNM akan terpakai secara automatik pada ulang tahun polisi / sijil anda yang seterusnya pada 2025:

Anda boleh memohon untuk langkah-langkah interim daripada tarikh akhir premium / sijil anda yang seterusnya melalui AIA+ dengan mengikuti langkah-langkah di bawah:





Sebagai alternatif, anda juga boleh menghubungi Perancang Hayat AIA anda untuk mendapatkan bantuan.

Kami akan berusaha untuk memproses permohonan anda dengan segera. Permohonan yang diterima selepas jam 5 petang akan diproses pada hari bekerja berikutnya.

5. Bagaimanakah perbezaan dalam amaun premium / caruman saya akan dikembalikan?

Disebabkan oleh jumlah permohonan yang tinggi, bayaran balik premium / caruman dijangka selesai selewat-lewatnya pada 31 Mei 2025. Memandangkan bayaran balik tersebut berbeza-beza mengikut kaedah bayaran anda, sila rujuk maklumat berikut untuk butiran lanjut:

- i. Pelan perubatan tunggal (dengan kemudahan *autopay*) – sebelum 31 Mei 2025
- ii. Pelan perubatan tunggal (dengan pembayaran bukan auto debit seperti secara tunai, JomPay) – anda akan dihubungi sebelum 31 Mei 2025 untuk memberikan butiran anda yang diperlukan untuk pembayaran balik. Bagi mempercepatkan proses bayaran balik, kami mengesyorkan agar anda mendaftarkan butiran akaun bank anda melalui AIA+.
- iii. Pelan Berkaitan Pelaburan (ILP)* – perbezaan amaun akan dikreditkan ke dalam nilai akaun anda sebelum 31 Mei 2025.

*Bagi pelan ILP, amaun premium / caruman anda tidak akan berubah selepas permohonan dihantar. Jika anda ingin mengurangkan amaun premium / caruman, sila hubungi kami atau berbincang dengan Perancang Hayat AIA anda.

Anda akan dimaklumkan melalui SMS / Emel / Notifikasi AIA+ sebaik sahaja bayaran balik diproses.

6. Adakah perubahan kepada premium / caruman saya akan melebihi 10%, walaupun telah mengambil kira langkah-langkah interim?

Premium / caruman anda akan meningkat disebabkan oleh dua (2) faktor:

- a) Peningkatan umur – Untuk pelan perubatan tunggal, premium / caruman anda akan meningkat apabila umur anda meningkat dan beralih ke kumpulan umur dengan premium / caruman yang lebih tinggi. Peningkatan ini bukan dalam skop langkah-langkah Interim BNM.
- b) Penetapan semula premium / caruman - Mengikut objektif yang diketengahkan oleh Langkah-langkah Interim BNM, sekurang-kurangnya 80% daripada pemegang polisi / peserta takaful akan mengalami pelarasan tahunan kurang daripada 10%. Walau bagaimanapun, beberapa pelarasan mungkin lebih daripada 10%, tetapi ianya tidak akan melebihi 20%. Peningkatan ketara dalam kos penjagaan kesihatan di Malaysia dengan inflasi perubatan mencecah 15% pada 2024 telah menyebabkan keperluan untuk pelarasan yang sedemikian.

7. Bagaimana jika saya masih tidak mampu membayar premium / caruman saya walaupun kenaikan premium / caruman telah diagihkan dalam beberapa tahun akan datang?

Anda boleh mempertimbangkan untuk beralih ke pelan dengan premium / caruman yang lebih rendah tetapi masih memenuhi keperluan perlindungan perubatan anda, contohnya, beralih kepada produk yang berbeza atau pelan yang lebih rendah, mengurangkan jumlah yang diinsuranskan / dilindungi atau had tahunan, jika ada.

Selain itu, AIA menawarkan SMART Option yang menyediakan perlindungan yang serupa pada premium / caruman yang lebih rendah. Untuk maklumat lanjut mengenai SMART Option, sila rujuk bahagian “Maklumat lanjut mengenai SMART Option” di bawah.

Sila ambil maklum bahawa jika anda beralih kepada produk perubatan yang berbeza, premium / caruman anda dan manfaat pelan mungkin berubah serta tempoh menunggu mungkin dikenakan.



HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

Kami menggalakkan para pelanggan yang menghadapi masalah kemampuan untuk berhubung dengan Perancang Hayat AIA mereka bagi meneroka pilihan perlindungan yang lain dan menyemak semula keperluan perlindungan perubatan mereka.

8. Saya telah menyerahkan / meluputkan polisi / sijil perubatan saya disebabkan oleh penetapan semula premium / caruman. Adakah saya boleh mengembalikan / mengaktifkan semula polisi / sijil saya apabila langkah-langkah interim ini dilaksanakan?

Jika anda telah menyerahkan polisi / sijil perubatan anda atau ia telah luput disebabkan oleh penetapan semula premium insurans / caruman takaful perubatan yang berlaku dari 1 April 2024 hingga 31 Mac 2025, anda boleh mengembalikan / mengaktifkan semula polisi / sijil anda tanpa pengunderaitan dalam tempoh setahun dari tarikh polisi / sijil anda diserahkan / luput. Ia akan tertakluk kepada pembayaran premium / caruman yang disemak semula mengikut langkah-langkah interim dan tempoh menunggu akan dikenakan. Selepas itu, pengembalian / pengaktifan semula polisi / sijil anda akan tertakluk kepada pengunderaitan.

Sekiranya pengembalian / pengaktifan semula adalah dari 1 Januari 2025 hingga 30 Jun 2025, tempoh menunggu juga akan dikecualikan.

9. Mengapakah penetapan semula premium insurans perubatan diperlukan?

- Penetapan semula harga produk-produk perubatan dan kesihatan dilakukan secara berkala untuk mengambil kira inflasi perubatan dan peningkatan penggunaan.
- Kos penjagaan kesihatan di Malaysia telah meningkat dengan mendadak, dengan inflasi kos perubatan mencapai 15% pada tahun 2024. Ini bukan saja lebih tinggi daripada inflasi umum tetapi juga lebih tinggi daripada purata global dan Asia Pasifik sebanyak 10%.
- Akibatnya, terdapat keperluan untuk menyelaraskan kenaikan material premium insurans perubatan.
- Untuk memastikan premium insurans / caruman takaful perubatan kekal mampu milik untuk rakyat Malaysia, reformasi penjagaan kesihatan yang lebih luas dan tindakan bersama dari semua pihak berkepentingan (BNM, pengendali insurans / takaful, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan hospital-hospital swasta) amat diperlukan. AIA komited untuk memainkan peranan proaktif dan melaksanakan inisiatif pengekangan kos bagi memastikan pelanggan kami mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan yang boleh diakses, mampu milik, dan berkesan.



HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

10. Saya tidak pernah membuat sebarang tuntutan dan saya telah membeli polisi / menyertai sijil saya sejak dahulu lagi. Mengapa saya tertakluk kepada penetapan semula premium insurans / caruman takaful perubatan?

Semua pelan insurans / takaful, termasuk insurans / takaful perubatan adalah berdasarkan konsep pengumpulan risiko. Ini bermakna apabila anda mendapatkan pelan perubatan, anda menyertai kumpulan pelanggan yang lebih besar yang mempunyai ciri atau profil risiko yang serupa dengan anda. Premium / caruman yang AIA terima daripada anda dan semua pelanggan lain dalam kumpulan yang sama dikumpulkan bersama untuk menyediakan tuntutan masa hadapan.

Jika tuntutan yang dibayar daripada kumpulan tersebut menjadi lebih tinggi daripada jangkaan, syarikat insurans / pengendali takaful perlu menyemak semula premium / caruman perubatan untuk memastikan semua pelanggan dalam kumpulan tersebut dapat terus dilindungi dalam jangka masa panjang. Sebarang semakan dalam premium / caruman perlu dijalankan secara menyeluruh tanpa mengira sama ada anda pernah membuat sebarang tuntutan sebelum ini.

Sesetengah produk kami disertakan dengan ciri **Health Wallet yang memberi anda ganjaran apabila anda tidak membuat tuntutan**. Ganjaran ini boleh digunakan untuk Pemeriksaan Kesihatan, Penvaksinan serta manfaat lain. Sila hubungi Perancang Hayat AIA anda untuk mengetahui lebih lanjut.

11. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini?

Para pelanggan digalakkan untuk berhubung dengan Perancang Hayat AIA mereka atau mengemukakan pertanyaan [di sini](#) atau menghubungi talian **Hotline Langkah-langkah Interim Bagi Penetapan Semula Premium Insurans Perubatan** kami: **+603 2056 6733** (Isnin - Khamis: 8:30 pagi - 5:30 petang / Jumaat: 8:30 pagi - 4:30 petang) untuk bantuan lanjut.

Maklumat tambahan mengenai Langkah-langkah Interim BNM untuk umur 60 tahun dan ke atas

12. Saya berumur 60 tahun dan ke atas – bagaimana saya boleh tahu jika saya dilindungi di bawah pelan minimum, contohnya bilik dan penginapan hospital terendah?

Sila rujuk senarai pelan perubatan dan pelan minimum yang sepadan di bawah:

AIA Bhd.

Nama Pelan Perubatan	Pelan Minimum (Pelan Bilik & Penginapan Hospital Terendah)
MediCover Plus Rider	150
Excel Care	100
Excel Care Plus	100
AAA Care	100
Health Protector	100
Major Care	100
Major Medical	90
Individual Medical Plan (HS + MM)	90
Health Plan - Cashless	100
Health Plan - Non-Cashless	100
Medi Plus - Cashless	120
Medi Plus - Non-Cashless	120
Medical Plan - Cashless	100
Medical Plan - Non-Cashless	100
A-Life Med Regular	150
UL Health Rider	100
UL MediPlus	120
Prime MediPlus	120
A-Plus Med	100
A-Plus Health	150 (Pilihan Deduktibel: RM20,000)

AIA PUBLIC Takaful Bhd.

Nama Pelan Perubatan	Pelan Minimum (Pelan Bilik & Penginapan Hospital Terendah)
A-Life Med Regular-i	150
A-Life Medik Famili	150
A-Plus Med-i	100
A-Medik (tunggal atau rider penolakan unit)	150

13. Saya berumur 60 tahun dan ke atas – Bagaimanakah penangguhan sementara selama setahun memberi kesan kepada saya?

Jika anda berumur 60 tahun dan ke atas dan dilindungi di bawah pelan minimum, anda secara automatik layak untuk penangguhan sementara penetapan semula premium / caruman perubatan selama setahun. Selepas penangguhan sementara selama setahun, anda perlu membayar premium / caruman mengikut langkah-langkah interim.

Amaun yang diambil kira di dalam langkah-langkah interim telah dikemas kini, kecuali polisi / sijil dengan ulang tahun pada 2024 dimana amaun akan dikemas kini pada April 2025. Perbezaan dalam jumlah amaun yang dikenakan akan dikembalikan kepada anda. Untuk maklumat lanjut mengenai proses bayaran balik, sila rujuk Soalan 5.

Anda juga akan menerima surat penetapan semula premium / caruman perubatan yang mengandungi amaun yang disemak mengikut langkah-langkah interim selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh ulang tahun polisi / sijil anda. Tetapi, sekiranya ulang tahun polisi / sijil anda adalah di antara Januari 2025 hingga Mac 2025, anda akan hanya menerima surat tersebut sebelum Mei 2025.

Nota:

- *Amaun di sini merujuk kepada premium / caruman (untuk pelan perubatan tunggal) dan Kos Insurans (COI) / Tabarru' (untuk pelan berkaitan pelaburan)*
- *Tiada bayaran balik untuk premium / caruman bagi pelan berkaitan pelaburan kerana ia dilaburkan ke dalam nilai akaun bagi memastikan kelangsungan yang lebih baik.*

Maklumat lanjut mengenai SMART Option

14. Apakah SMART Option?

SMART Option adalah pilihan nilai untuk wang (value for money) dari AIA yang membantu pelanggan mendapatkan penjagaan kesihatan berkualiti pada premium yang lebih rendah dengan menawarkan perjalanan khusus, yang mana pelanggan boleh mendapatkan rawatan daripada Pengamal Perubatan SMART melalui Penyedia Panel SMART kami. Ini merangkumi pelbagai perkhidmatan penting termasuk kemasukan ke hospital, rawatan pesakit luar, konsultasi, dan penjagaan pencegahan.

Perjalanan SMART menggalakkan pemegang polisi / peserta takaful untuk menggunakan insurans / takaful perubatan mereka secara bertanggungjawab dengan mengunjungi Klinik SMART kami terlebih dahulu untuk rawatan awal dan kemudiannya mendapatkan rawatan perubatan lanjut di hospital, jika perlu.

AIA bekerjasama dengan 4,027 klinik SMART dan 94 hospital SMART di seluruh negara.

15. Apakah manfaat SMART Option?

- *Specially selected list of Panels of Clinics, Specialists and Hospitals*
(Senarai Panel Klinik, Pakar dan Hospital yang Dipilih Khas)
- *Minimise Unnecessary Treatment Cost with the Right Treatment*
(Mengurangkan Kos Rawatan yang Tidak Diperlukan dengan Rawatan yang Tepat)
- *Affordable Premium / Contribution for Medical Coverage*
(Premium / Caruman yang Mampu Milik untuk Perlindungan Perubatan)
- *Right Treatment*
(Rawatan yang Tepat)
- *Tailored Journey via AIA+ for a Hassle-free Experience*
(Perjalanan yang direka khas menerusi AIA+ untuk Pengalaman Tanpa Kerumitan)

16. Pelan / rider perubatan manakah yang menawarkan SMART Option?

SMART Option tersedia untuk pelan-pelan perubatan berikut:

<u>AIA Bhd.</u>	<u>AIA PUBLIC Takaful Bhd.</u>
• Individual Medical Plan • Health Plan • Medical Plan • MediPlus • UL Health Rider • UL MediPlus • A-Life Med Regular • A-Plus Med • A-Plus Health	• A-Life Med Regular-i • A-Life Medik Famili • A-Plus Total Health • A-Plus Med-i • A-Plus Health-i • A-Medik (rider penolakan unit, pelan tunggal)



HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">• ExcelCare Plus (rider pembayaran premium, rider penolakan unit, pelan tunggal) | |
|--|--|

Pelanggan yang berminat dengan SMART Option boleh menghubungi Perancang Hayat mereka untuk maklumat lanjut.

17. Bagaimana SMART Option berfungsi?

Serupa dengan pelan semasa anda, pelanggan yang mengikuti Perjalanan SMART dan mendapatkan rawatan daripada Pengamal Perubatan SMART kami melalui Penyedia Panel SMART kami, perlu membayar Deduktibel atau Ko-Insurans / Ko-Takaful semasa untuk kemasukan ke hospital mereka serta perbelanjaan lain yang tidak layak. Perbelanjaan yang layak yang melebihi Deduktibel / Ko-Insurans / Ko-Takaful akan ditanggung oleh AIA, termasuk kos pra-hospitalisasi Pengamal Perubatan Am dan Pakar (tertakluk kepada kemasukan ke hospital).

Untuk maklumat lanjut mengenai Perjalanan SMART, klik [di sini](#).

Jika pelanggan memilih untuk tidak mengikuti Perjalanan SMART, mereka akan tertakluk kepada 20% Ko-Insurans / Takaful (juga dikenali sebagai X SMART Ko-Insurans / Takaful) sebagai tambahan kepada Deduktibel semasa, jika ada, sehingga RM20,000 untuk setiap hilang upaya.

Dengan SMART Option, AIA kini menawarkan diskaun sehingga 20% ke atas premium / caruman / Kos Insurans / Tabarru' berbanding pelan semasa mereka tanpa SMART Option.